



**PEJABAT BURSAR
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

PROGRAM RAKAN BAKTI PUTRA

Pelaksanaan Program Rakan Bakti Putra, Universiti Putra Malaysia (PRBP, UPM) bertujuan untuk mempergiatkan dan memperkukuhkan usaha membudayakan pelajar **Berinisiatif, Berdikari dan Berbakti** di kalangan pelajar UPM. Program ini memberi keutamaan sasaran di kalangan pelajar fakir dan asnaf UPM.

Pelancaran Program Rakan Bakti Putra telah disempurnakan oleh Y.Bhg Datuk Naib Canselor pada 15 Oktober 2015. PRBP UPM ini telah dipergiatkan perlaksanaannya di bawah penyeliaan Pejabat Bursar, Bahagian Zakat, Wakaf dan Endowmen dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM.

Perlaksanaan program ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pengajian Tinggi yang menyarankan supaya universiti berusaha mempertingkatkan keupayaan penjana secara dalaman dan mengurangkan pergantungan kepada sumber kerajaan.

Projek yang telah dikenalpasti perlu mengambil kira kepentingan dan kesesuaian untuk dilaksanakan oleh pelajar dan pemantauan dari segi program, pelaksanaan,

kaedah yang akan membantu dan menyokong program supaya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

TUJUAN PRBP UPM: PENERAPAN BUDAYA BERINISIATIF, BERBAKTI DAN BERDIKARI DI KALANGAN PELAJAR ASNAF FAKIR UPM DAN PENETAPAN BAYARAN ATAU ELAUN

Program ini akan membantu dan membentuk pelajar menjadi pelajar yang berinisiatif, berbakti dan berdikari di samping pelajar dapat memberi sumbangan kepada universiti dan pada masa yang sama membantu pelajar supaya tidak terlalu bergantung kepada sumbangan atau bantuan kerajaan/universiti dan mereka berpeluang menambah pendapatan dan dapat pertingkatkan keupayaan kewangan di dalam tempoh pengajian.

Universiti akan mengenal pasti program yang bersesuaian secara berterusan dengan mengambil kira kepentingan dan prestasi akademik pelajar tidak terjejas dan diberi keutamaan sepenuhnya.

Mewujudkan peluang pekerjaan dan aktiviti secara dalaman yang telah dikenalpasti bersesuaian dengan keupayaan dan bidang yang boleh diserahkan kepada pelajar bagi menyemai budaya Berinisiatif, Berbakti dan Berdikari dikalangan pelajar. Pelajar juga berpeluang menambah pengalaman bekerja sambil berbakti kepada Universiti.

Kaedah penetapan kadar bayaran yang bersesuaian dan setimpal dengan perkhidmatan dalam bentuk elaun akan diberikan kepada pelajar yang terlibat dengan program ini.

Kadar dan kaedah bayaran seperti di [lampiran 1](#).

Pelajar boleh memohon untuk menyertai Program Rakan Bakti Putra melalui laman web www.rbp.upm.edu.my